I/T.2026 (05)

MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN
KENYATAAN TENDER

Tawaran ini dipelawa kepada kontraktor yang layak dan berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan/ perkhidmatan/ kerja sebagaimana berikut.

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	SALINAN SIJIL YANG DIPERLUKAN	HARGA	MASA PEMBELIAN
1.	PERKHIDMATAN SEWAAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN MAJLIS-MAJLIS RASMI DAERAH PONTIAN BAGI TEMPOH 24 BULAN (MPPn/T/01/2027)	221305 atau 221501 Bumiputera/ Bukan Bumiputera	• Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) • Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) • Sijil Taraf Bumiputera (STB) • Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Patuh & Sah) **Sijil hendaklah aktif sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan tender 21 Disember 2026.**	**RM30.00** Bayaran adalah secara **TANPA TUNAI (CASHLESS)** iaitu menggunakan **KAD DEBIT** sahaja.	**Isnin - Khamis** 8.30 pagi – 3 petang **Jumaat** 8.30 pagi – 12 tengahari

- Dokumen tender boleh dimuat turun dengan mengimbas **QR CODE** yang dipaparkan di bawah. Dokumen boleh didapatkan bermula **30 November 2026 (Isnin)** dan tarikh akhir penyerahan dokumen tender pada **21 Disember 2026 (Isnin)** tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari. Tiada lawatan tapak diadakan bagi tender perkhidmatan tetapi kontraktor digalakkan untuk melawat tapak sebelum mengemukakan dokumen tawaran tender.

- Syarikat perlu mencetak dokumen tender dan membawa dokumen tersebut ke **Kaunter Pelbagai No. 4, Aras G, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** untuk urusan pembayaran. Urusan pembayaran hanya boleh dibuat oleh penama atau wakil syarikat (wakil hanya boleh mewakilkan satu syarikat sahaja) dengan membawa **cop syarikat** dan **surat wakil**. **Dokumen tender** dan **resit bayaran** hendaklah dibawa ke **Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** untuk mendapatkan cop rasmi MPPn di dokumen tersebut.

- Syarikat juga perlu membawa **sijil asal & salinan sijil** yang diperlukan sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di atas untuk disemak serta menyerahkan salinan semasa urusan daftar kehadiran pembeli dokumen tender.

Tawaran Harga dan Tawaran Teknikal hendaklah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi tender bekalan dan perkhidmatan. Tender kerja memadai dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja. Dokumen tender yang telah diisi lengkap hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri** dan bertulis tajuk tender berkenaan di penjuru kiri sampul surat serta **LAMPIRKAN RESIT BAYARAN YANG DITERIMA OLEH PIHAK SYARIKAT** ke dalam **peti tender** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor. PETENDER DIINGATKAN UNTUK MEMBUKUKAN DOKUMEN YANG DILAMPIRKAN SEBAGAIMANA DI SENARAI SEMAK.**

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pontian
Bertarikh: 26 November 2026

SI/ HU/ nii